

## Kawalan Imigresen di Tanah Melayu, 1874-1941

### *Immigration Control in Malaya, 1874-1941*

MARYAM NUR IZZAH ABDUL AZIZ, AHMAD KAMAL ARIFFIN MOHD RUS\*

& NUR DAYANA MOHAMED ARIFFIN

*Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial,*

*Universiti Malaya, 56003 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia*

Corresponding author: [akamal@um.edu.my](mailto:akamal@um.edu.my)

Received: 15 April 2024 Accepted: 18 August 2024

#### Abstrak

Termeterainya Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874 menjadi permulaan kepada wujudnya campur tangan secara rasmi pihak British di Tanah Melayu. Dengan campur tangan ini, hal ehwal imigresen di Tanah Melayu turut dikuasai oleh pihak British. Di bawah peruntukan *The Chinese Immigrants Ordinance*, Jabatan Perlindungan Orang Cina telah ditubuhkan pada tahun 1877 lalu menjadi institusi pertama yang menguruskan kawalan imigresen terhadap kemasukan golongan imigran dari China manakala bagi golongan imigran dari India pula, pihak British mengawal kemasukan golongan ini menerusi undang-undang *The Indian Immigration Ordinance* yang dikuatkuasakan pada tahun 1884. Ketika Perang Dunia Pertama melanda, aspek kawalan imigresen di pintu masuk sempadan dikawal dengan ketat oleh pihak British menerusi penggubalan *The Aliens Restriction (Seamen) Regulations* pada tahun 1916 yang terpakai terhadap semua golongan imigran yang memasuki Tanah Melayu. Berdasarkan sumber utama dan sekunder, kertas kerja ini akan menganalisis bentuk-bentuk kawalan imigresen yang dilaksanakan oleh pihak British dan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan bentuk kawalan tersebut berdasarkan tahap-tahap perkembangannya. Penelitian dibuat terhadap isu dan faktor yang melibatkan perubahan bentuk kawalan imigresen dari tahun 1874 sehingga berlakunya Perang Dunia Kedua. Hasil kajian mendapati bahawa bentuk kawalan imigresen yang diperkenalkan oleh pihak British didorong oleh faktor ekonomi seterusnya membawa kepada faktor keselamatan, politik dan sosial. Kertas kerja ini merumuskan bahawa faktor-faktor berkenaan mempunyai pengaruh yang kuat dalam membentuk kawalan imigresen yang dilaksanakan oleh pihak British di Tanah Melayu.

Kata kunci: Jabatan Imigresen; Keselamatan; Imigran; Sempadan; Akta

#### *Abstract*

*The signing of the Pangkor Agreement on January 20, 1874 marked the commencement of British intervention in Malaya, coinciding with the initiation of British oversight over immigration affairs in the region. Under the stipulations of the Chinese Immigrants Ordinance of 1877, the Chinese Protectorate was established as the pioneering administrative body tasked with managing immigration from China. Concurrently, the British regulated the entry of Indian immigrants through the enactment of the Indian Immigration Ordinance in 1884. With the onset of the First World War, immigration control at Malaya's borders was rigorously enforced by the British via the implementation of the Aliens Restriction (Seamen) Regulations of 1916, which encompassed all immigrants groups entering the*

*territory. Based on primary and secondary sources, this paper will analyze the forms of immigration control implemented by the British and the factors that caused changes in these forms based on their developmental stages. Research was done on the issues and factors involving changes in immigration control from 1874 until the outbreak of the Second World War. The study found that the forms of immigrations control introduced by the British were driven by economic factors, subsequently leading to considerations of security, political and social factors. This paper concludes that these factors strongly influenced the shaping of immigrations control implemented by the British in Malaya.*

*Keywords: Immigration Department; Security; Immigrant; Border; Act*

## **Pengenalan**

Migrasi merupakan suatu fenomena yang melibatkan tiga unsur iaitu yang pertama adalah perubahan lokasi menetap yang melangkaui sempadan politik atau negara. Unsur yang kedua pula merangkumi perubahan lokasi bagi melaksanakan aktiviti profesional dan unsur yang ketiga adalah perubahan hubungan sosial kerana menetap dalam komuniti yang baru.<sup>1</sup> Memandangkan migrasi mendatangkan risiko terhadap kedaulatan dan keselamatan di sesebuah kawasan, maka setiap negara di dunia mengamalkan polisi undang-undang yang tersendiri bagi mengawal kemasukan imigran di pintu masuk sempadan masing-masing dan membuat pemantauan terhadap pergerakan mahupun aktiviti golongan imigran dalam negara. Kawalan yang dilaksanakan ini sebenarnya turut menjadi simbol penguasaan negara terhadap sesebuah kawasan kerana penduduk di kawasan itu tertakluk di bawah undang-undang yang digubal.

Jika dilihat menerusi konteks sejarah, tiadanya sempadan yang jelas pada peringkat awal telah memudahkan proses migrasi berlaku dalam kalangan penduduk di Tanah Melayu termasuklah migrasi antarabangsa yang telah wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Migrasi di daratan atau lautan pada ketika itu sangat bebas tanpa sebarang sekatan. Namun begitu, sudah wujud kawalan imigresen yang dilaksanakan oleh pihak pemerintah dari zaman Kesultanan Melayu Melaka sehinggalah kedatangan kolonial British dimana bentuk kawalannya berkembang secara evolusi kerana tujuan ia dilaksanakan sering berubah-ubah dari semasa ke semasa. Untuk memahami bagaimana berkembangnya bentuk kawalan imigresen, penulisan ini memfokuskan kepada isu-isu yang melibatkan pergerakan masuk golongan imigran dan undang-undang imigresen yang digubal oleh pihak British.

## **Bentuk Kawalan Imigresen Sebelum Era Penguasaan British**

Sememangnya imigresen merupakan suatu istilah yang asing dalam kalangan masyarakat Melayu sewaktu era sebelum kedatangan British. Aktiviti pergerakan keluar masuk dari satu kawasan ke kawasan yang lain hanyalah dikenali dengan menggunakan sempadan sebagai rujukan utama.<sup>2</sup> Namun begitu, tiada rekod yang menunjukkan Negeri-negeri Melayu mempunyai garisan sempadan yang tetap atau nyata sebelum abad ke-19. Ukuran sempadan yang dipraktikkan pada ketika itu adalah bersandarkan kepada unsur alam semulajadi iaitu sungai dan laut.<sup>3</sup> Pemetaan sempadan pada ketika itu hanyalah didasari dengan konsep daulat dan taat yang menebal dalam kalangan rakyat terhadap raja sebagai pemerintah yang tertinggi. Kesetiaan ini membentuk identiti penduduk tempatan dimana ia bukan berdasarkan pada tempat kelahiran atau bangsa seperti orang Cina atau orang Arab namun mereka menganggap diri mereka sebagai rakyat atau hamba seseorang raja.<sup>4</sup>

Walaupun imigresen merupakan istilah yang asing dalam kalangan penduduk dan tiadanya sempadan pada ketika itu, namun terdapat terdapat tiga elemen yang dapat membuktikan bahawa

kawalan imigresen sudahpun wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Elemen yang pertama adalah wujudnya peraturan berlabuh dan prosedur pemeriksaan seperti yang terkandung dalam Undang-Undang Laut Melaka. Elemen yang kedua pula adalah adanya keperluan terhadap orang asing dalam mendapatkan kelulusan daripada Syahbandar dan Bendahara sebelum melabuhkan kapal untuk berdagang dan elemen yang ketiga adalah wujudnya kutipan cukai oleh pemerintah Melaka terhadap orang asing terutamanya terhadap golongan pedagang.<sup>5</sup> Prosedur yang paling jelas bagi menerangkan sistem kawalan imigresen dalam tempoh ini adalah menerusi kutipan cukai yang dijalankan oleh pemerintah. Menerusi bayaran cukai yang dikenakan, pemerintah Melaka dapat mengenal pasti jumlah pedagang atau imigran yang memasuki sempadan empayar pada ketika itu. Walaupun tujuan utama kutipan cukai dijalankan adalah untuk menjana pendapatan namun unsur-unsur yang terlibat dalam aktiviti tersebut tidak boleh diabaikan begitu sahaja. Sebagai contoh, wujudnya golongan imigran yang memasuki perairan Selat Melaka dan pihak berkuasa yang terdiri daripada Syahbandar dan Bendahara yang melaksanakan undang-undang imigresen berdasarkan Undang-Undang Laut Melaka atau Hukum Kanun Melaka. Dua unsur berkenaan membuktikan bentuk kawalan imigresen yang dilaksanakan secara langsung pada ketika itu.

Bagi era tradisional yang lain misalnya Kesultanan Kedah, Johor dan Perak, bentuk kawalan imigresen yang dipraktikkan masih tidak jauh bezanya dengan Kesultanan Melayu Melaka. Kawalan yang dilaksanakan pada ketika itu turut bermotifkan ekonomi. Antara kaedah yang digunakan adalah seperti nakhoda kapal perlu menyerahkan surat maklumat kepada Syahbandar sebelum berlabuh. Kaedah ini adalah ketika zaman Kesultanan Kedah.<sup>6</sup> Bagi zaman Kesultanan Johor pula, pihak pemerintah telah memperkenalkan sistem naungan dan pas kebenaran. Namun begitu, kutipan cukai terhadap golongan imigran kekal menjadi bentuk kawalan imigresen yang diamalkan oleh para pemerintah era tradisional.

Kedatangan dan pertapakan kuasa pihak British di Tanah Melayu yang bermula menerusi Perjanjian Pangkor 1874 sememangnya mengubah landskap kawalan imigresen di Tanah Melayu. Bagi memastikan hasil bumi dapat dimanfaatkan sepenuhnya demi keuntungan dan kekayaannya, pihak British telah mengamalkan dasar pintu terbuka terhadap orang asing yang memasuki Tanah Melayu. Tiada sebarang bentuk kawalan imigresen yang diamalkan dalam tempoh ini. Golongan imigran terutamanya dari China, India dan Jawa bebas untuk bergerak keluar dan masuk menerusi sistem pengambilan buruh secara liberal yang diamalkan di Tanah Melayu pada ketika itu.

### **Kawalan Terhadap Kemasukan Imigran Cina di Negeri-Negeri Selat**

Galakan yang aktif daripada pihak British terhadap imigran Cina telah membawa kepada kemasukan beramai-ramai kaum ini pada abad ke-19 dan awal abad ke-20 iaitu ketika pemerintahan Dinasti Qin (1644-1912) di China. Pada masa yang sama, pergolakan politik dan kemiskinan hidup di China turut menjadi faktor yang menyumbang kepada penghijrahan mereka ke Tanah Melayu.<sup>7</sup> Selepas menetap selama 3 hingga 4 tahun di Tanah Melayu, mereka akan kembali semula ke Tanah Besar China. Walau bagaimanapun, atas pelbagai faktor, hanya 1 atau 2 daripada 10 orang sahaja yang akan kembali semula ke sana. Imigran ini kebanyakannya berada di Tanah Melayu selama 10 hingga 20 tahun.<sup>8</sup> Memandangkan imigran Cina berasal dari pelbagai wilayah maka terdapat lima kelompok bahasa yang kebiasaannya dipertuturkan oleh mereka di Tanah Melayu iaitu Teowchew, Kantonis, Hokkien, Hakka dan Hainanis. Masing-masing mempunyai dialek yang berbeza-beza dan agak sukar untuk difahami antara satu sama lain.<sup>9</sup>

Bentuk kawalan imigresen terhadap imigran Cina mempunyai kaitan yang rapat dengan kegiatan perlombongan bijih timah yang dilaksanakan oleh pihak British. Secara umumnya, imigran Cina memasuki Negeri-negeri Melayu menerusi “Sistem Tiket Kredit” yang menetapkan sejumlah

bayaran perlu dijelaskan oleh mereka yang ingin bermigrasi. Namun begitu, terdapat juga dalam kalangan imigran Cina yang ditaja oleh ahli keluarga atau sahabat.<sup>10</sup> Menerusi sistem kontrak berkenaan, golongan imigran yang berhijrah ke Tanah Melayu dikenali dengan panggilan *sinkheh* (Hokkien) atau *sankah* (Kantonis). *Sinkheh* atau *sankah* ini akan dibahagikan kepada dua kategori iaitu penumpang yang berbayar dan penumpang yang tidak berbayar. Bagi imigran yang membayar kos perjalanan, mereka tidak terikat dengan kontrak kerja manakala bagi imigran tidak berbayar, mereka terikat dengan majikan dan kontrak kerja sebagai buruh bagi melangsaikan kos perjalanan.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang kurang menyenangkan telah timbul dalam aspek kemasukan imigran Cina secara *laissez-faire* ini. Kedua-dua pihak berkuasa China dan British mengalami kesukaran untuk menangani masalah berkaitan kapal yang membawa golongan imigran. Keadaan kapal ketika berlayar dikatakan tidak ubah seperti sebuah sangkar manusia yang sempit.<sup>11</sup> Selain itu, sindiket penculikan golongan *sinkheh* oleh samseng dan kongsi gelap juga kerap berlaku apabila mereka tiba di pelabuhan. Kaedah kawalan imigresen secara *laissez-faire* pada ketika itu hanyalah dengan cara *Harbour Master* membuat pemeriksaan sama ada bilangan penumpang dalam kapal adalah mengikut jumlah yang telah ditetapkan atau sebaliknya.<sup>12</sup> Bagi mengelakkan masalah ini berlarutan, beberapa petisyen khas telah diserahkan kepada Gabenor pada tahun 1871 dan tahun 1873 bagi menggesa pihak British untuk menanganinya. Petisyen khas ini sebenarnya merupakan kesinambungan daripada ordinan yang cuba untuk dilaksanakan oleh Stamford Raffles sejak 1 Mei 1823 lagi.<sup>13</sup>

Akhirnya, pihak British mengambil keputusan untuk menggubal satu ordinan khas yang dikenali sebagai *The Chinese Immigrants Ordinance* pada tahun 1877 di Negeri-Negeri Selat. Menerusi pemindaan *The Chinese Immigrants Ordinance* yang kedua, terdapat tiga peruntukan utama bagi memastikan isu-isu yang timbul dapat diselesaikan dan kawalan terhadap kemasukan imigran Cina ke Negeri-Negeri Selat dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Peruntukan yang pertama adalah Jabatan Perlindungan Orang Cina ditubuhkan bagi melaksanakan kawalan imigresen terhadap imigran Cina. Jabatan ini ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1877 dimana William Pickering dilantik sebagai Pelindung Orang Cina yang pertama manakala Ernest Karl memegang jawatan sebagai Penolong Pelindung. Pada peringkat awal, ibu pejabat bagi Jabatan Perlindungan Orang Cina yang dirasmikan pada 3 Mei 1877 terletak di North Canal Road, Singapura.<sup>14</sup>

Pada tahun 1880, jabatan ini ditubuhkan pula di Pulau Pinang yang kemudiannya membentuk rangkaian jabatan yang lebih meluas di Tanah Melayu. Penubuhan Jabatan Perlindungan Orang Cina menjadikan bentuk kawalan imigresen terhadap imigran dari Cina menjadi lebih jelas berbanding sebelum ini. Organisasi ini menjadi ejen penghubung atau orang tengah antara golongan imigran dengan dasar-dasar yang cuba dibawakan oleh pihak kolonial pada ketika itu. Pada masa yang sama, bentuk kawalan ini sebenarnya adalah bertujuan untuk melindungi dan mencegah golongan imigran daripada terlibat dengan kegiatan kongsi gelap atau mendapatkan perlindungan daripada kumpulan kongsi gelap. Huru-hara yang tercetus akibat daripada kewujudan kumpulan tersebut menyebabkan pihak British memandang serius perkara ini kerana ia boleh menjejaskan kegiatan ekonomi yang ditadbir olehnya.

Peruntukan yang kedua dalam pindaan *The Chinese Immigrants Ordinance 1877* adalah depoh-depoh penerimaan dibina bagi menempatkan imigran yang baru sahaja tiba di Tanah Melayu. Namun begitu, depoh penerimaan ini tidak diuruskan sepenuhnya oleh pihak British. Lesen dikeluarkan kepada perekrut yang terdiri daripada syarikat-syarikat utama milik orang Cina bagi menguruskan depoh penerimaan imigran tersebut. Pihak British hanya mengadakan pemantauan secara berkala di depoh-depoh penerimaan. Jadual 1 di bawah memaparkan jumlah lesen yang dikeluarkan terhadap depoh penerimaan imigran dan emigran dari tahun 1888 hingga 1893. Kebiasaannya, jumlah lesen yang dikeluarkan adalah bergantung kepada jumlah kemasukan imigran pada ketika itu.

Jadual 1: Jumlah Lesen yang Dikeluarkan terhadap Depoh Penerimaan Imigran dan Emigran di Pulau Pinang dan Singapura

Tahun	Pulau Pinang	Singapura
1888	9	41
1889	9	45
1890	13	30
1891	10	26
1892	14	18
1893	12	28

Sumber: Dipetik dan diubahsuai R. N. Jackson, *Immigrant Labour and the Development of Malaya, 1786 – 1920*, Kuala Lumpur: Thor Beng Chong Publisher, 1961, hlm. 77.

Peruntukan yang ketiga ialah imigran dari China diwajibkan untuk mendaftar dan menandatangani kontrak buruh.<sup>15</sup> Sebaik sahaja kapal yang membawa golongan imigran mendarat di pelabuhan, beberapa orang Pegawai Pelindung dari Jabatan Perlindungan Orang Cina akan membuat pemeriksaan sama ada imigran telah membayar wang laluan atau sebaliknya. Sekiranya wang laluan telah dijelaskan, golongan imigran kemudiannya akan dibawa ke depoh penerimaan dan pegawai jabatan akan menyerahkan surat kontrak. Surat berkenaan didaftarkan mengikut Buku Pendaftaran yang diuruskan oleh Jabatan Perlindungan Orang Cina. Sekiranya imigran tidak dapat menjelaskan bayaran wang laluan dalam tempoh 24 jam, mereka akan ditahan di depoh penerimaan selama 10 hari bagi menyelesaikan perkara ini. Para pegawai turut membuat penerangan mengenai kandungan kontrak dan hak-hak imigran sepanjang keberadaan mereka di Tanah Melayu dalam dialek masing-masing.<sup>16</sup> Pada tahun 1886, setiap majikan dibekalkan dengan gambar imigran yang akan bekerja dengannya bagi mengelakkan penggantian atau penyamaran. Semua prosedur ini dilaksanakan bagi membendung kemasukan golongan imigran secara haram dan mencegah penganiayaan oleh kumpulan samseng bersenjata terhadap golongan imigran.

Kawalan imigresen terhadap imigran dari China turut meliputi pemantauan terhadap jenis kapal yang membawa golongan imigran ini ke Tanah Melayu dan tahap kesihatan imigran. Hal ini demikian kerana, terdapatnya penularan wabak hawar (*plague*) di Hong Kong dan sekitar pelabuhan di China sekitar tahun 1890-an. Bagi mengelakkan berlakunya jangkitan penyakit ini di pelabuhan Negeri-Negeri Selat, pihak British hanya membenarkan kemasukan buruh Cina yang dibawa oleh kapal milik British sahaja.<sup>17</sup> Bentuk kawalan imigresen pada ketika itu sebenarnya tidaklah indah-indah belaka. Kekacauan berbentuk rusuhan sering sahaja terjadi di kawasan pelabuhan dan di depoh penerimaan. Pegawai Pelindung Orang Cina, penjaga kapal dan pekerja di depoh sering diserang oleh kumpulan samseng bersenjata. Bagi mengelakkan kejadian malang berlaku, pegawai terpaksa melakukan pemeriksaan secara langsung di atas kapal sebelum imigran dihantar ke depoh penerimaan.

Terbentuknya Republik China pada tahun 1911 telah mempengaruhi pihak British untuk melaksanakan dasar yang mengalakkan kemasukan imigran Cina dengan tidak mengenakan sebarang sekatan.<sup>18</sup> Faktor lain yang mempengaruhi perubahan dasar ini adalah kerana pentadbir di peringkat antarabangsa merasakan sistem ini telah menindas golongan imigran disamping landskap ekonomi yang mulai beralih ke arah penanaman getah. Sistem terikat (*indentured system*) terhadap imigran Cina akhirnya dimansuhkan secara rasmi pada 30 Jun 1914 di seluruh Tanah Melayu kecuali di negeri Kelantan.<sup>19</sup> Kawalan imigresen yang dilaksanakan terhadap imigran Cina memperlihatkan secara jelas bahawa ia bertujuan untuk melindungi kepentingan ekonomi pihak British. Walaupun terdapatnya unsur perlindungan terhadap imigran Cina daripada samseng dan kumpulan kongsi gelap namun akhirnya ia masih bermotifkan kepentingan ekonomi.

### **Penggubalan *The Indian Immigration Ordinance 1884***

Sejak dari awal, Negeri-Negeri Selat merupakan destinasi pilihan bagi golongan imigran dari India. Bulan Ogos dan September merupakan antara tempoh kemuncak bagi ketibaan imigran dari India di Tanah Melayu. Pelayaran mereka ke pelabuhan Pulau Pinang iaitu pintu masuk sempadan yang utama bagi Negeri-Negeri Selat pada ketika itu biasanya mengambil masa sekitar 6 hingga 7 hari.<sup>20</sup> Sehingga tahun 1903, Pulau Pinang kekal menjadi pintu masuk sempadan yang utama bagi imigran dari India disamping wujudnya pintu masuk sempadan di Port Swettenham dan Singapura yang diasaskan kemudian.

Wujudnya permintaan terhadap golongan buruh dari India oleh peladang Eropah bagi mengembangkan perniagaan disamping hasrat pihak British untuk melonggarkan kawalan terhadap imigrasi telah menyebabkan perjumpaan antara rombongan kerajaan India dengan pegawai-pegawai Negeri-Negeri Selat telah diadakan. Pada masa yang sama, penggubalan undang-undang migrasi menjadi sebuah keperluan pada ketika itu kerana timbulnya kebimbangan pihak kerajaan India terhadap kadar kematian yang tinggi dalam kalangan rakyatnya di Negeri-Negeri Selat. Hasil perjumpaan ini, Majlis Perundangan Negeri-Negeri Selat telah mengambil keputusan untuk menggubal satu undang-undang migrasi yang dikenali sebagai *Indian Immigration Ordinance* pada tahun 1884 di Negeri-Negeri Selat.<sup>21</sup> Undang-undang migrasi sebelum ini telah dimansuhkan<sup>22</sup> setelah ordinan ini mulai dikuatkuasakan. *Indian Immigration Ordinance* berkisarkan tiga autoriti utama yang dimiliki oleh pihak British dalam menangani urusan migrasi iaitu pemantauan terhadap kaedah perekrutan, kawalan terhadap pergerakan masuk golongan imigran ke Negeri-Negeri Selat dan pemantauan terhadap keadaan imigran setelah bekerja dengan majikan masing-masing.

Menerusi ordinan ini, seorang *Indian Immigration Agent* yang berpangkalan di Pulau Pinang dilantik sebagai ketua bagi memantau kawalan imigrasi yang dilaksanakan terhadap imigran dari India.<sup>23</sup> Beliau bekerjasama dengan Penolong Pelindung Orang Cina di negeri yang sama. Memandangkan *Indian Immigration Agent* lebih tertumpu kepada kawalan imigrasi di Negeri-Negeri Selat maka ordinan memperuntukkan jawatan *Assistant Immigration Agent* untuk menguruskan imigran di Negeri-negeri Melayu.<sup>24</sup> Menerusi pindaan yang dibuat terhadap *Indian Immigration Ordinance* pada tahun 1889, nama jawatan *Indian Immigration Agent* telah ditukar kepada *Superintendent of Immigrants*.<sup>25</sup>

Antara bentuk kawalan imigrasi yang terkandung dalam *Indian Immigration Ordinance* ialah pegawai-pegawai yang berkhidmat di bawah pentadbiran *Indian Immigration Agent* akan memeriksa setiap kapal yang membawa golongan imigran dari India di pintu masuk sempadan yang terdapat di Negeri-Negeri Selat. Setelah tiba di pelabuhan, golongan imigran yang tidak terikat dengan mana-mana kontrak kerja dibebaskan manakala imigran yang direkrut untuk bekerja di bawah sistem terikat (*indentured system*) dibawa ke depoh penerimaan milik kerajaan. Mereka diserahkan kepada wakil majikan masing-masing setelah menandatangani kontrak pekerjaan. Sekiranya imigran gagal untuk menyelesaikan urusan berkaitan kontrak ini, mereka tidak mendapat manfaat mahupun perlindungan yang ditawarkan oleh pihak British seperti yang termaktub di dalam ordinan.

Terdapat tiga salinan kontrak yang perlu ditandatangani oleh imigran India setelah mereka tiba di Negeri-Negeri Selat iaitu salinan kontrak yang akan diserahkan kepada majikan, salinan kontrak dalam bahasa Tamil yang akan dimiliki oleh imigran itu sendiri dan satu salinan kontrak yang disimpan oleh pegawai imigrasi sebagai rekod.<sup>26</sup> Golongan imigran yang bekerja di Negeri-Negeri Selat tidak dibenarkan meninggalkan negeri untuk bekerja di Negeri-negeri Melayu yang lain. Ini bagi memastikan tiadanya isu pelanggaran kontrak yang telah ditandatangani oleh golongan imigran itu tadi. Sistem terikat (*indentured system*) akhirnya digantikan dengan sistem Kangani pada tahun 1910 dimana ia dilihat memberi lebih kebebasan kepada imigran India yang bekerja sebagai

buruh walaupun masih mempunyai unsur sistem terikat (*indentured system*) secara tidak langsung. Sememangnya bentuk kawalan imigresen yang dilaksanakan oleh pihak British terhadap imigran India tidak jauh bezanya dengan bentuk kawalan yang diaplikasikan kepada imigran Cina. Kawalan imigresen menerusi penggabalan *Indian Immigration Ordinance* hanyalah untuk menarik lebih ramai imigran India berhijrah ke Negeri-Negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu kemudiannya. Namun begitu, bentuknya masih mempunyai tujuan yang sama iaitu demi kepentingan ekonomi pihak kolonial.

### **Penyelarasan Bentuk Kawalan Imigresen Menerusi Penubuhan Jabatan Buruh**

Sekitar bulan Jun 1910, jawatankuasa pegawai perubatan kerajaan dan swasta telah mencadangkan agar satu jabatan khusus bagi menguruskan golongan buruh di Tanah Melayu hendaklah ditubuhkan oleh pihak British. Cadangan ini menjadi perintis kepada usaha British untuk menyelaraskan kawalan imigresen di Tanah Melayu. Sememangnya tidak dinafikan bahawa sudah ada pelbagai jawatan yang diwujudkan bagi tujuan itu namun kepelbagaian undang-undang menyukarkan pegawai imigresen untuk menjalankan bidang tugas dengan seragam.<sup>27</sup> Setelah cadangan ini mendapat ulasan daripada Pesuruhjaya Tinggi British, sebuah jabatan khusus bagi golongan buruh imigran iaitu Jabatan Buruh telah ditubuhkan pada tahun 1912. Jabatan ini merupakan gabungan antara Jabatan Imigresen India Negeri-Negeri Selat dan Jabatan Imigresen Negeri di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.<sup>28</sup> Kebanyakan pegawai daripada Jabatan Imigresen India telah diserap ke dalam Jabatan Buruh sekitar bulan April dalam tahun yang sama. Pada tahun 1925, bidang kuasa Jabatan Buruh mulai diperluaskan di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu. Penggabungan ini sememangnya telah membantu pihak British untuk melaksanakan kawalan imigresen yang lebih seimbang dan konsisten di seluruh Tanah Melayu berbanding sebelum ini.

Menerusi penggabalan Kod Buruh 1912, nama jawatan bagi ketua Jabatan Buruh telah ditukar daripada *Protector of Labour* kepada *Controller of Labour, Straits Settlements and Federated Malay States*. Pada tahun 1925, ia sekali lagi ditukar kepada *Controller of Labour, Malaya* setelah Jabatan Buruh ditubuhkan di hampir seluruh Tanah Melayu. Terdapat dua orang pegawai telah dilantik sebagai *Deputy Controller of Labour* bagi membantu ketua jabatan untuk menguruskan Jabatan Buruh di Pulau Pinang dan ibu pejabat yang kedua di Kuala Lumpur.<sup>29</sup> Beberapa orang pegawai yang memegang jawatan sebagai *Assistant Controller of Labour* dan *Extra-Assistant Controllers of Labour* turut membantu dalam menguruskan Jabatan Buruh di bandar-bandar utama seperti Klang, Ipoh dan Seremban. Walaupun penubuhan Jabatan Buruh memberikan tumpuan yang khusus kepada pengurusan golongan imigran dari India dan Indonesia namun jabatan ini sebenarnya turut bertindak sebagai sebuah badan kerajaan yang melaksanakan kawalan imigresen terhadap golongan imigran yang lain. Hal ini demikian kerana, terdapat peruntukan bidang kuasa khas terhadap pegawai Pelindung Orang Cina yang dilantik sebagai *Deputy* dan *Asistant Controller of Labour* bagi menguruskan hal ehwal imigran Cina berdasarkan Kod Buruh.<sup>30</sup>

Bentuk kawalan imigresen yang dipraktikkan oleh jabatan dapat dilihat menerusi penggabalan Kod Buruh. Misalnya, dalam Bahagian Dua Kod Buruh 1912, seorang buruh India yang menerima bantuan kewangan daripada *Indian Immigration Fund* untuk berhijrah ke Tanah Melayu boleh dikenakan denda atau hukuman penjara sekiranya imigran itu enggan bekerja di lokasi yang telah ditetapkan. *Controller of Labour* berkuasa sepenuhnya untuk melaksanakan denda atau hukuman penjara sekiranya terdapat imigran yang didapati bersalah dalam hal ini. Penggabalan Kod Buruh yang baharu pada tahun 1923 di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat menyaksikan kawalan imigresen dalam bahagian ini mengalami sedikit perubahan. Dalam Bahagian Dua Kod Buruh 1923 menyatakan bahawa sekiranya imigran enggan bekerja di lokasi yang ditetapkan, imigran itu

hanya perlu membayar sebanyak \$20 dan sekiranya didapati berlakunya penganiayaan oleh majikan terhadap imigran, pihak kerajaan akan menghantar semula imigran itu ke negara asal dalam tempoh satu tahun.<sup>31</sup>

Keadaan ini menunjukkan berlakunya penambahbaikan terhadap undang-undang imigresen yang dilaksanakan terhadap golongan imigran. Namun begitu, ia sebenarnya dipengaruhi oleh penggubalan *Indian Emigration Act 1922* yang dilaksanakan di India. Selain itu, *Controller of Labour* dan beberapa pegawai daripada Jabatan Buruh turut melaksanakan kawalan imigresen menerusi pemantauan berkala di lokasi imigran bekerja yang kebanyakannya terletak di ladang pengusaha Eropah. Kebiasaannya, pegawai melaksanakan pemantauan berkala ini bersama pegawai daripada Jabatan Kesihatan bagi memastikan tahap kebersihan dan kesihatan imigran dalam keadaan memuaskan.<sup>32</sup> Walaupun pergerakan imigran dalam negara menjadi lebih bebas setelah sistem terikat (*indentured system*) dihapuskan pada tahun 1910 bagi buruh India dan tahun 1914 bagi buruh Cina namun sebenarnya pergerakan imigran dalam negara masih dikawal dengan ketat.<sup>33</sup> Misalnya, para majikan melantik beberapa orang pengawal bagi menjaga sempadan yang diwujudkan di kawasan ladang. Sekiranya buruh ingin bergerak keluar dari kawasan sempadan, satu pas akan diberikan kepada buruh tersebut dan seorang pengawal akan mengiringinya.<sup>34</sup> Walaupun kawalan tersebut tidaklah dilaksanakan oleh sebuah badan yang berautoriti seperti Jabatan Buruh, namun kewujudannya memberi kesan kepada pergerakan harian golongan imigran di dalam negara. Sehingga tahun 1923 iaitu apabila Kod Buruh 1923 digubal, Jabatan Buruh yang disentralisasikan oleh pihak British masih menjadi salah satu organisasi penting dalam melaksanakan bentuk kawalan imigresen yang selaras di Tanah Melayu sebelum kemunculan jabatan migresen yang utama.

### **Permulaan Kawalan Imigresen Berbentuk Keselamatan Ketika Perang Dunia Pertama**

Konflik yang meruncing dalam kalangan negara Eropah seperti Britain, Perancis, Serbia, Rusia dan Itali sebagai Kuasa Bersekutu manakala Jerman, Bulgaria, Austria-Hungary dan Turki sebagai Kuasa Pusat akhirnya telah membawa kepada tercetusnya Perang Dunia Pertama pada tahun 1914. Tanah Melayu turut menerima tempiasnya secara tidak langsung apabila Britain turut terlibat dalam perang tersebut. Tindakan pihak British yang menjurus ke arah sekatan dari segi politik, ekonomi dan sosial terhadap negara musuh turut melibatkan aspek kawalan imigresen di pintu sempadan. Pihak British telah menggubal sebuah undang-undang yang dikenali sebagai *The Public Emergency Enactment 1914* dimana ia mula dikuatkuasakan pada 12 Ogos 1914. Menerusi undang-undang ini, Pesuruhjaya Tinggi British berkuasa penuh dalam menggubal atau meminda sebarang undang-undang yang difikirkan perlu bagi menjaga keselamatan Tanah Melayu terutamanya Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada ketika itu.

Menerusi Enakmen No. 1, 1914, satu akta khas berkenaan dengan kawalan imigresen telah digubal iaitu *The Aliens Restriction (Seamen) Regulations 1916*. Akta ini memperuntukkan bahawa mana-mana pihak yang ingin memasuki kawasan pelabuhan dikehendaki untuk menunjukkan dokumen pengenalan diri mereka. Dokumen tersebut perlulah bertarikh tidak lebih dari dua tahun ia dikeluarkan oleh negara asal dan perlu disertakan bersama gambar wajah orang asing tersebut.<sup>35</sup> Dalam pada itu, seorang *Harbour Master* atau seorang *Chief Secretary* telah dilantik untuk menguruskan kawalan imigresen di pelabuhan dimana mereka mempunyai kuasa untuk memberikan kebenaran kepada kapal asing untuk berlabuh. Mana-mana orang asing yang gagal mematuhi peraturan yang telah ditetapkan, hukuman denda tidak melebihi \$1000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya boleh disabitkan keatasnya jika didapati bersalah.<sup>36</sup> Implikasi penggubalan *The Aliens Restriction (Seamen) Regulations 1916* menyebabkan imigran yang berasal dari negara musuh perlu melepasi pemeriksaan ketat dan kebanyakan daripada mereka telah dihalang untuk memasuki



kawasan pelabuhan Tanah Melayu. Pihak British mengadakan kawalan imigresen sedemikian rupa bagi menyekat ancaman pengintip dari negara musuh yang cuba untuk mendapatkan maklumat ketenteraannya di Tanah Melayu. Dapat disimpulkan bahawa pada ketika itu, pihak British seolah-olah melaksanakan dasar tutup pintu bagi memastikan tiada pencerobohan atau pengintipan asing berlaku.<sup>37</sup>

Sekatan ini semestinya membawa kepada penurunan terhadap jumlah kemasukan warga asing ke Tanah Melayu pada ketika itu. Pada masa yang sama, penurunan itu turut dipengaruhi oleh tindakan pihak British yang menghentikan pengambilan golongan buruh yang baharu dari China dan India bagi menangani masalah pengangguran akibat perang yang tercetus. Pihak British juga turut menanggung kos penghantaran semula golongan imigran ke negara asal.<sup>38</sup> Pada tahun 1914, jumlah penghantaran semula golongan imigran ke negara asal telah melepasi jumlah kemasukan golongan imigran ke Tanah Melayu. Bentuk kawalan imigresen ini sememangnya bermotifkan keselamatan. Pihak British tidak teragak-agak untuk menyekat kemasukan mana-mana imigran yang dilihat boleh memberi ancaman kepada mereka bahkan pelbagai enakmen kastam diperkenalkan bagi menghalang penduduk Negeri-Negeri Melayu Bersekutu menjalankan urusan perdagangan dan perniagaan dengan negara musuh.<sup>39</sup>

### **Bentuk Kawalan Imigresen Untuk Pemulihan Sosioekonomi di Tanah Melayu**

Setelah Perang Dunia Pertama berakhir pada tahun 1918, bentuk kawalan imigresen pada ketika itu sudah tidak terlalu memfokuskan kepada tujuan keselamatan namun lebih kepada pemulihan semula pergerakan masuk golongan imigran untuk memulihkan semula ekonomi di Tanah Melayu. Dari sudut ekonomi, pengusaha getah yang merupakan antara penggerak ekonomi di Tanah Melayu membuat jangkaan bahawa permintaan terhadap getah akan meningkat selepas Perang Dunia Pertama namun perkara sebaliknya yang berlaku. Tindakan pihak Amerika Syarikat yang mengurangkan import getah kerana berlakunya kemerosotan dalam industri pembuatan di negaranya telah membawa kepada ketidakstabilan dalam aspek penawaran dan pengeluaran komoditi getah di Tanah Melayu. Selain itu, kegagalan pihak British untuk beradaptasi dengan segera terhadap kemerosotan yang berlaku secara langsung dan secara tidak langsung ini telah mempengaruhi pergerakan imigran.

Bukan itu sahaja, demografi penduduk pada ketika itu juga turut membimbangkan apabila jumlah golongan imigran dari China dan India hampir melebihi jumlah penduduk tempatan. Pada tahun 1921, jumlah imigran adalah merangkumi 46 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk di Tanah Melayu dimana imigran Cina adalah seramai 29.4 peratus, imigran India seramai 15.1 peratus dan golongan imigran yang lain adalah seramai 1.5 peratus.<sup>40</sup> Penggubalan ordinan yang baharu iaitu *The Passengers Restriction Enactment* yang mulai dikuatkuasakan pada 21 Julai 1922 di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu bersangkut paut dengan usaha untuk menstabilkan semula keadaan sosioekonomi pada ketika itu.

Berbanding dengan undang-undang sebelumnya iaitu *The Aliens Restriction (Seamen) Regulations 1916*, enakmen ini lebih terperinci dari segi pentadbiran dan penguatkuasaannya. Empat jawatan penting iaitu *Chief Police Officer*, *Police Officer*, *Boarding Officer* dan *Health Officer* telah dilantik bagi melaksanakan kawalan imigresen di pintu masuk sempadan terutamanya di kawasan pelabuhan.<sup>41</sup> Sebaik sahaja kapal memasuki sempadan perairan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, hanya kapten kapal yang dibenarkan untuk keluar dari kapal dan dikehendaki memberikan laporan dengan segera kepada para pegawai yang bertugas mengenai penumpang dan keadaan kapal. Antara maklumat yang perlu diserahkan kepada para pegawai adalah meliputi senarai nama penumpang mengikut susunan abjad, kewarganegaraan penumpang, tempat kelahiran penumpang, jenis pekerjaan dan sekiranya kapal tersebut ingin meninggalkan kawasan perairan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu,

lokasi yang dituju oleh para penumpang perlulah dinyatakan dalam laporan. Sekiranya didapati terdapatnya kapten kapal atau penumpang yang mendarat tanpa kebenaran dari mana-mana pegawai, individu tersebut boleh ditahan tanpa waran dan boleh didenda tidak melebihi \$2000 atau dikenakan penalti dan dikehendaki keluar dari perairan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.<sup>42</sup>

Walau bagaimanapun, undang-undang yang termaktub di dalam *The Passengers Restriction Enactment 1922* ini tidak terpakai kepada pegawai kastam, pegawai Jabatan Buruh atau Jabatan Pos yang mendarat atau meninggalkan kawasan pelabuhan. Selain itu, undang-undang ini juga tidak terpakai kepada kapal yang berlepas dari pelabuhan negeri naungan atau negeri di bawah lindungan British.<sup>43</sup> Menerusi enakmen ini, *Health Officer* turut berperanan dalam menjalankan kawalan imigresen menerusi pemeriksaan yang dibuat terhadap keadaan kapal dan tahap kesihatan penumpang yang ingin berlabuh dan berlepas dari kawasan perairan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Barang-barang yang dibawa oleh kapal juga turut diperiksa. Hal ini demikian kerana, menerusi pelaksanaan *The Quarantine and Prevention of Disease Enactment 1903* pada awal abad ke-20, mana-mana eksport dan import di pintu sempadan negeri melibatkan haiwan yang dijangkiti penyakit berjangkit akan disekat dengan serta-merta.

Jika penelitian dibuat terhadap *The Aliens Restriction (Seamen) Regulations 1916* dan *The Passengers Restriction Enactment 1922*, bentuk kawalan imigresen yang dipraktikkan dalam kedua-dua akta ini mewujudkan satu kesimpulan bahawa adanya sekatan daripada pihak British terhadap aspek pergerakan masuk golongan imigran. Akta yang pertama didorong oleh perang yang berlaku manakala penggubalan akta yang kedua didorong oleh situasi sosioekonomi pada ketika itu. Namun begitu, perkara yang perlu difahami adalah bentuk kawalan imigresen yang dilaksanakan oleh pihak British pada waktu itu tidak mengehadkan pergerakan masuk dan keluar imigran secara keseluruhan atau sepenuhnya. Ia hanyalah bagi memastikan keringat golongan imigran dapat dikerah bersesuaian dengan kepentingan pemulihan semula ekonomi kolonial.<sup>44</sup> Bentuk kawalan imigresen yang bertunjangkan pemulihan sosioekonomi ini hanya mulai berubah sedikit demi sedikit menjelang akhir tahun 1920-an sehingga awal tahun 1930-an dimana ia didorong oleh beberapa faktor.

### **Sekatan Imigresen Untuk Keamanan Politik**

Sejak berakhirnya sistem terikat (*indentured system*) yang dilaksanakan terhadap imigran dari Cina pada tahun 1914, pihak British tidak mengenakan sebarang sekatan terhadap pergerakan masuk dan keluar golongan imigran ini di Tanah Melayu terutamanya di Negeri-Negeri Selat. Namun begitu, akibat daripada perbalahan ideologi antara Kuomintang dengan Parti Komunis di China sekitar tahun 1927, negara itu mulai mengalami ketidakstabilan politik yang serius.<sup>45</sup> Bahana daripada keadaan itu dikatakan menjadi antara faktor utama kepada kekacauan yang turut berlaku di Negeri-Negeri Selat iaitu dalam kalangan orang Cina.<sup>46</sup> Peningkatan kes jenayah dan demonstrasi politik telah menyebabkan pihak British mengambil keputusan untuk menggubal satu undang-undang imigresen khas terhadap kaum Cina iaitu *The Aliens Immigration Restriction Ordinance* yang telah dikuatkuasakan di Negeri-Negeri Selat pada tahun 1930. Tujuan utama ordinan ini dikuatkuasakan oleh pihak British adalah bagi memastikan golongan imigran Cina yang dibenarkan memasuki Tanah Melayu adalah golongan yang ingin bekerja dan bukannya menyebarkan agenda politik dari tanah besar atau daripada kalangan penjenayah. Pada masa yang sama, British melaksanakan sekatan ini adalah untuk membendung masalah pengangguran apabila sejumlah besar lombong bijih timah dan estet getah telah ditutup akibat daripada Kemelesetan Ekonomi disamping menyeimbangkan semula nisbah jantina dalam kalangan imigran Cina.<sup>47</sup>

Bermula pada 1 Ogos 1930, ordinar ini menetapkan bahawa satu kuota bulanan bagi golongan imigran lelaki dewasa dari China oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat akan dilaksanakan.<sup>48</sup> Penetapan kuota bulanan ini telah dilanjutkan sehingga enam bulan terakhir pada tahun 1932 dimana jumlah imigran dari China yang dibenarkan untuk memasuki Negeri-Negeri Selat telah dikurangkan kepada 1000 orang setiap bulan. Kesan daripada penetapan ini, jumlah imigran yang tiba di Singapura pada tahun 1930 adalah seramai 242 000 orang manakala jumlah imigran yang meninggalkan Singapura pula adalah seramai 68 000 orang.<sup>49</sup> Keadaan ini berbeza jika dibandingkan dengan tempoh lima tahun kebelakangan (1925 – 1929) dimana purata kemasukan imigran dari China pada ketika itu adalah seramai 300 000 orang setiap tahun. Setelah itu, angka bagi kuota bulanan ini berubah-ubah dari 500 ke 6000 orang sebulan.<sup>50</sup> Kuota bulanan yang ditetapkan hanya kekal sama selepas bulan Januari 1933 dan terus berubah-ubah sehingga berlakunya Perang Dunia Kedua pada bulan Disember 1941.

Bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pula, pihak British turut menggubal undang-undang yang menyerupai *The Aliens Immigration Restriction Ordinance 1930* bagi mengurangkan jumlah golongan imigran Cina yang berhijrah dari Siam. Bentuk kawalan imigresen menerusi kuota bulanan ini mulai diaplikasikan kepada imigran wanita dari China bermula pada 1 Mei 1938. Jumlah kemasukan imigran wanita pada ketika itu meningkat akibat daripada kemerosotan industri sutera di China. Kemerosotan berkenaan adalah berpunca daripada penggunaan sutera sintetik (rayon) yang semakin meluas. Pada masa yang sama, ketiadaan sekatan sebelum ini telah menyebabkan tiket kuota yang dijual kepada imigran wanita lebih murah berbanding imigran lelaki. Bagi mengelakkan masalah pengangguran akibat daripada Kemelesetan Ekonomi di Tanah Melayu semakin meningkat, pihak British mula mengadakan kawalan imigresen dengan menggunakan sistem kuota terhadap imigran wanita dari China.<sup>51</sup>

Setelah ordinar ini dilaksanakan, penentangan daripada pihak majikan dan orang Cina sudah tentu dapat dilihat dengan jelas. Orang Cina cuba untuk mengenakan tindakan undang-undang terhadap pihak British atas dakwaan berlakunya diskriminasi. Imigran dari India pada ketika itu tidak terkesan dengan ordinar ini kerana status mereka sebagai subjek British.<sup>52</sup> Bagi pihak majikan pula, mereka menganggap ordinar ini akan mengurangkan jumlah tenaga buruh dalam kegiatan ekonomi. Walau bagaimanapun, pihak British kekal dengan keputusannya untuk melaksanakan bentuk kawalan imigresen sebegini bagi memastikan keadaan huru-hara dapat dielakkan disamping menangani masalah pengangguran akibat Kemelesetan Ekonomi. Keamanan politik dan ekonomi sewaktu tempoh ini memperlihatkan bahawa ia merupakan penentu utama kepada bentuk kawalan imigresen yang dilaksanakan pihak British.

### **Dokumen Pengenalan Khas**

Desakan yang berterusan daripada pihak majikan menyebabkan pihak British terpaksa menggubal ordinar dan bentuk kawalan imigresen yang baharu selepas *The Aliens Immigration Restriction Ordinance 1930* diperkenalkan. Walau bagaimanapun, ia sebenarnya tidaklah disebabkan oleh desakan itu sahaja. Ordinar itu dilihat kurang efektif kerana hanya terpakai dalam situasi yang getir dan pihak British tidak dapat melaksanakan pemantauan sepenuhnya terhadap jumlah imigran yang telah menetap di Tanah Melayu.<sup>53</sup> Oleh itu, pihak British kemudiannya telah menggubal *The Aliens Ordinance* pada tahun 1932. Menurut Joyce Ee dalam penulisannya, terdapat penerangan secara terperinci mengenai terma ‘orang asing’ yang termaktub di dalam ordinar ini.

*The term Alien was defined as any person who was not a British subject nor a subject of a British protected or mandated territory. Of the major immigrant communities here the Indians were thus exempted from the Ordinance, but the Chinese were subject to it and so were Netherlands Indian persons. The Governor-in-Council however had the power to exempt aliens from any particular country from this law. Initially all alien women and children and all those from the Netherlands Indies were exempted. The Ordinance thus chiefly affected Chinese entry and residence.*<sup>54</sup>

Dalam pada itu, individu yang memegang jawatan *Consuls-General*, *Vice-Consuls* atau *Consular Agent* dan mempunyai pengiktirafan rasmi daripada mana-mana wilayah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Britain telah dikecualikan daripada peruntukan yang terdapat di dalam undang-undang ini. Orang asing yang memasuki kawasan Negeri-Negeri Selat dengan menggunakan pengangkutan udara turut dikecualikan daripada peruntukan yang terdapat dalam Bahagian 1, *The Aliens Ordinance 1932*.<sup>55</sup> Penggubalan undang-undang ini menyaksikan kawalan imigresen terhadap imigran dari China yang sebelum ini diuruskan oleh Jabatan Perlindungan Orang Cina telah dipindahkan kepada Jabatan Imigresen yang baharu dan ia sememangnya menjadi pelopor kepada kewujudan Jabatan Imigresen di Negeri-Negeri Selat.<sup>56</sup>

Menerusi *The Aliens Ordinance 1932*, terdapat dua orang pegawai iaitu *Deputy Immigration Officer* dan *Assistant Immigration Officer* yang ditugaskan untuk membuat pemantauan di pelabuhan. Mana-mana kapal yang membawa penumpang orang asing tidak kurang daripada 25 orang akan dikehendaki untuk berlabuh di East Wharf, Singapura iaitu salah satu lokasi terletaknya depoh penerimaan. Bagi kes-kes yang tertentu, kapal yang membawa penumpang orang asing akan berlabuh di dermaga yang lain dimana ia diperiksa oleh para pegawai daripada *Singapore Harbour Board*.<sup>57</sup> Namun begitu, peruntukan yang terdapat di dalam *The Aliens Ordinance 1932* tidak terpakai kepada mana-mana kapal yang tertakluk di bawah Ordinan No. 157 (*Quarantine and Prevention of Disease*) dimana kapal tersebut akan berlabuh di Pulau St. John, Singapura. Setelah itu, terdapat beberapa dokumen yang perlu diisi oleh penumpang orang asing sebelum mereka dibenarkan untuk memasuki kawasan Negeri-Negeri Selat secara sah.

Satu permit baharu telah diperkenalkan menerusi ordinan ini iaitu *Landing Permit*. Kad permit ini dikeluarkan khusus untuk orang asing yang bukan berstatus warganegara British atau bukan warga naungan British yang ingin menetap atau masuk bekerja di Tanah Melayu. Bentuk kawalan imigresen menerusi pengeluaran kad permit ini mula dilaksanakan pada 1 April 1933 dan ia dikatakan menjadi asas utama bagi pihak British untuk mewujudkan dokumen pengenalan diri bagi orang asing kemudiannya.<sup>58</sup> Di bawah Seksyen 17 atau Seksyen 19 *The Aliens Ordinance 1932*, orang asing yang telah mendarat di Negeri-Negeri Selat dikehendaki untuk membayar sebanyak \$1 kepada pegawai imigresen yang bertugas bagi mendapatkan *Landing Permit* ini.<sup>59</sup> Memandangkan terdapatnya kritikan daripada pihak majikan yang menganggap ordinan ini telah meningkatkan kos pengambilan orang asing sebagai buruh, pihak British telah meminda Seksyen 12a pada penghujung tahun 1933.

Menerusi pindaan berkenaan, pihak majikan dibenarkan untuk mendapatkan *Landing Permit* yang dikecualikan daripada sistem kuota bulanan bagi merekrut buruh dari luar negara sekiranya sebab dan alasan yang dikemukakan adalah munasabah. Terdapat sesetengah majikan Eropah memanfaatkan peluang untuk mendapatkan buruh dengan cara ini. Namun begitu, kebanyakannya menganggap pindaan tersebut tidak berkesan dan mereka mahukan jumlah kuota bulanan yang dilaksanakan menerusi *The Aliens Immigration Restriction Ordinance 1930* dinaikkan atau ordinan ini dibatalkan. Selain itu, penumpang yang hanya melakukan perjalanan secara transit di Negeri-Negeri Selat juga dikecualikan daripada keperluan untuk memiliki dokumen ini sewaktu kapal yang

dinaiki oleh mereka berhenti di pelabuhan.

Peruntukan yang berupa kawalan imigresen bagi imigran yang ingin meninggalkan Negeri-Negeri Selat dan berhasrat untuk kembali semula turut terkandung dalam *The Aliens Ordinance 1932*. Imigran berkenaan boleh mendapatkan *Certificate of Admission* dengan kelulusan daripada *Immigration Officer* dimana ianya sah untuk digunakan selama dua tahun.<sup>60</sup> Kegagalan imigran dalam mendapatkan *Certificate of Admission* apabila mereka ingin kembali semula ke Tanah Melayu akan menyebabkan kuota bulanan boleh dikenakan ke atas dirinya. Dari segi kawalan imigresen terhadap imigran yang telah menetap di Tanah Melayu, pihak British telah mewujudkan satu lagi dokumen yang dikenali sebagai *Certificate of Residence*. Status dokumen ini adalah berbeza dengan *Certificate of Admission* kerana ia sah untuk digunakan seumur hidup dan dianggap sebagai “*superior type of document*”.<sup>61</sup> Dokumen ini akan diberikan kepada imigran yang telah bermastautin di Negeri-Negeri Selat tidak kurang daripada lapan tahun. Pada tahun 1934, sebanyak 147 orang telah berjaya mendapatkan *Certificate of Residence* di Negeri-Negeri Selat manakala di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pula adalah seramai 133 dimana 79 daripadanya adalah orang Cina.<sup>62</sup>

Terdapat beberapa syarat yang digariskan oleh pihak British sebelum pemberiannya diluluskan oleh pegawai imigresen. Sebagai contoh, dokumen ini tidak akan diberikan kepada imigran Cina dari kelas buruh atau kelas berpendapatan rendah walaupun mereka telah lama bermastautin di Tanah Melayu. Sekiranya golongan ini ingin mendapatkan *Certificate of Residence*, mereka perlu mengemukakan bukti bahawa mereka berkemampuan dari segi kewangan. Selain itu, imigran itu juga perlu mempunyai kemahiran berbahasa Melayu atau Inggeris dengan baik.

Pihak British mempunyai kuasa untuk membatalkan pemberian *Certificate of Admission* dan *Certificate of Residence* kepada mana-mana orang asing yang telah berjaya mendapatkannya. Kecilnya jumlah imigran yang memperoleh *Certificate of Residence* sepanjang ordinan ini dikuatkuasakan membuktikan bahawa dokumen ini sememangnya merupakan satu dokumen yang berharga. Penggubalan *The Aliens Ordinance 1932* di Negeri-Negeri Selat dan *The Aliens Enactment 1933* di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dianggap sebagai salah satu bentuk kawalan imigresen yang radikal daripada pihak British dalam memastikan semua imigran yang berhijrah ke Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu terutamanya dari China adalah imigran yang berdaftar. Namun begitu, pemberian *Certificate of Admission* dan *Certificate of Residence* yang diuruskan pegawai imigresen adalah berbeza dengan pengeluaran passport kerana pada ketika ini, ianya berada di luar bidang kuasa Jabatan Imigresen.

### **Penubuhan Jabatan Imigresen Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu**

Selari dengan penggubalan *The Aliens Ordinance 1932* dan *The Aliens Enactment 1933*, pihak British telah mengambil keputusan untuk menubuhkan satu jabatan khas bagi menguruskan pergerakan keluar masuk imigran yang bukan sahaja merangkumi golongan buruh namun turut meliputi orang asing secara keseluruhan. Penubuhan Jabatan Imigresen Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah dirasmikan pada 1 Januari 1933. Ibu pejabat pertama bagi jabatan ini adalah di bangunan Jabatan Perlindungan Orang Cina yang terletak di Singapura. Pada masa yang sama, sebuah depoh penerimaan yang mengawasi kemasukan orang asing telah ditubuhkan di Godown B, East Wharf, Tanjong Pagar, Singapura dan sebuah lagi depoh penerimaan turut ditubuhkan di Godown 8 yang terletak berhadapan dengan Menara Jam, Pulau Pinang.<sup>63</sup> Seorang pegawai kanan daripada *Malayan Civil Service* telah dilantik sebagai ketua jabatan dengan gelaran *Immigration Officer, Straits Settlements and Federated Malay States*. Beliau dibantu oleh seorang pegawai yang memegang jawatan sebagai *Deputy Immigration Officer* di Singapura diikuti oleh beberapa orang pegawai dengan gelaran *Assistant Immigration Officer*.

Pegawai imigresen yang berkhidmat dalam Jabatan Imigresen mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan imigresen terhadap orang asing yang memasuki Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu berdasarkan peruntukan yang terdapat di dalam *The Aliens Ordinance 1932* dan *The Aliens Enactment 1933*. Bidang kuasa Jabatan Imigresen semakin berkembang apabila peruntukan yang terdapat dalam *Passenger Restriction Ordinance* dan *Passport Ordinance* turut dilaksanakan oleh jabatan ini.<sup>64</sup> Para pegawai di Jabatan Imigresen juga turut ditugaskan untuk menguruskan pendaftaran orang asing di bawah peruntukan *Ordinance No. 160 (Registration of Aliens)* di Singapura dan Pulau Pinang sejak penubuhannya pada tahun 1933.<sup>65</sup> Memandangkan sistem kuota bulanan yang berdasarkan *The Aliens Ordinance 1932* masih dilaksanakan oleh pihak British maka bentuk kawalan imigresen ketika ini tertumpu kepada sekatan terhadap imigran lelaki dewasa Cina daripada memasuki Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Warganegara yang dilindungi British, orang British dan imigran dari negara jiran telah dikecualikan.<sup>66</sup> Sekitar tahun 1930-an, kapal laut masih mendominasi sektor pengangkutan di Tanah Melayu walaupun berlakunya peningkatan kemasukan orang asing yang menggunakan pengangkutan udara dan darat. Oleh itu, kawalan imigresen masih tertumpu di kawasan pelabuhan dan depoh-depoh penerimaan.

Tempoh kritikal iaitu sekitar 1938 hingga teretusnya Perang Dunia Kedua menyaksikan pihak British telah memperkenalkan undang-undang imigresen yang tertumpu kepada pengecaman individu-individu subversif yang memasuki Tanah Melayu.<sup>67</sup> Walau bagaimanapun, undang-undang tersebut hanya sempat dilaksanakan dalam tempoh masa yang singkat sebelum Tanah Melayu akhirnya jatuh ke tangan pihak Jepun. Kawalan imigresen tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh ini memandangkan sistem pentadbirannya telah diambil alih oleh pihak Jepun dan kerana tiadanya pergerakan masuk buruh imigran dari India dan China dalam bulan Disember 1945 hingga bulan September 1945.<sup>68</sup>

## **Kesimpulan**

Penguasaan British dalam tempoh masa yang lama memperlihatkan bahawa pelbagai bentuk kawalan imigresen telah diperkenalkan di Tanah Melayu. Tiadanya sempadan secara jelas pada peringkat awal tidak menghalang pihak British untuk melaksanakan kawalan-kawalan yang dirasakan perlu. Pada abad ke-19, kawalan imigresen terhadap golongan imigran di Negeri-Negeri Selat sehingga ke Negeri-Negeri Melayu yang lain bermula dengan dasar yang terbuka atau secara tepatnya bermatlamatkan kepentingan ekonomi semata-mata. Walau bagaimanapun, perubahan dalam bentuk kawalan ini dapat dilihat apabila berlakunya Perang Dunia Pertama diikuti dengan zaman Kemelesetan Ekonomi. Bentuk kawalan dalam tempoh berkenaan mulai beralih kepada unsur keselamatan lalu berubah ke arah pemulihan sosioekonomi. Ini membuktikan bahawa wujudnya keperluan-keperluan semasa yang berubah-ubah tidak memungkinkan pihak British untuk melaksanakan bentuk kawalan imigresen yang hanya bermotifkan ekonomi sahaja. Pada masa yang sama, penyelarasan yang cuba dipraktikkan menerusi penubuhan Jabatan Buruh mahupun Jabatan Imigresen oleh kolonial British perlulah diakui sebagai langkah yang proaktif dalam memastikan Tanah Melayu kekal stabil walaupun rencah masyarakatnya mulai terdiri daripada pelbagai kaum.

## **Penghargaan**

Kajian ini merupakan hasil penyelidikan di bawah geran Universiti Malaya BKS003-2024.

## Nota

<sup>1</sup> G. F. Tataru, "Migration – an Overview on Terminology, Causes and Effects", *Logos Universality Mentality Education Novelty: Law*, Jil. 2, No. 7, 2019, hlm. 13-14.

<sup>2</sup> Ahmad Zulnasri Abdul Khalid, "Kawalan Imigresen dan Pembentukan Negara: Perkembangan dan Perubahan di Tanah Melayu daripada Zaman Kesultanan Melayu Melaka ke era Malaysia Moden", *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategies Studies*, Jil. 46, No.2, Disember 2019, hlm. 276.

<sup>3</sup> Shuwaibah Rashidi, "Konsep Sempadan Negeri-negeri Melayu Sebelum dan Selepas Kedatangan British", kertas kerja dibentangkan dalam 9<sup>th</sup> International Conference on Malaysia-Indonesia Relations, Fakulti Sains Sosial, Universiti Yogyakarta, 2015, hlm. 3-4.

<sup>4</sup> A.C. Milner, *Kerajaan: Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*, The University of Arizona Press, Tucson, 1982, hlm. 2.

<sup>5</sup> Ahmad Zulnasri Abdul Khalid, "Kawalan Imigresen dan Pembentukan Negara: Perkembangan dan Perubahan di Tanah Melayu daripada Zaman Kesultanan Melayu Melaka ke era Malaysia Moden", hlm. 277.

<sup>6</sup> Mariyam Salim (editor), *Undang-Undang Kedah*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. xi-xii.

<sup>7</sup> Suffian Mansor, "Kejatuhan Dinasti Qing: China Mencari Orde Baharu, 1911-1937", *Malaysia and International History Review*, Jil. 2, No. 1, 2020, hlm. 58

<sup>8</sup> R. N. Jackson, *Immigrant Labour and the Development of Malaya, 1786 – 1920*, Thor Beng Chong Publisher, Kuala Lumpur, 1961, hlm. 42.

<sup>9</sup> Sekitar tahun 1860-an, hampir 65 peratus penduduk di Singapura adalah orang Cina dan pada penghujung abad ke-19, jumlah peratusan bertambah sebanyak 10 peratus dimana jumlah orang Hokkien adalah yang tertinggi diikuti oleh Teowchew, Kantonis dan orang Cina yang lahir di Singapura. Lihat Tan Cheng Han, "Private Ordering and the Chinese in Nineteenth Century Straits Settlements", *Asian Journal of Comparative Law*, Jil. 11, No. 1, Julai 2016, hlm. 28.

<sup>10</sup> B. W. Andaya dan L. Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, Macmillan Publishers, New York, 1982, hlm. 204.

<sup>11</sup> Nik Hasnaa Nik Mahmood (penterjemah), *Orang-orang Cina di Tanah Melayu*, Penerbit Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor, 1997, hlm. 210.

<sup>12</sup> Wei-an Yang, 'Female Emancipation in a Colonial Context: The Chinese Community in Singapore, 1900-1942', tesis Ph.D, The University of Sheffield, England, 2014, hlm. 49.

<sup>13</sup> Pada tahun 1873, ahli Majlis Perundangan Negeri-Negeri Selat mempertimbangkan untuk melaksanakan *Chinese Immigration Bill* yang bersandarkan pada ordinan tahun 1823. Namun begitu, ordinan tersebut tidak dilaksanakan kerana kekurangan tenaga kerja. Satu-satunya undang-undang buruh yang ada adalah merangkumi hukuman yang boleh dikenakan terhadap buruh yang melanggar kontrak. Lihat Nagendiram Rajendra, 'The Straits Settlements, 1867-1874', tesis Sarjana, The Australian National University, Australia, 1976, hlm. 210.

<sup>14</sup> R. N. Jackson, *Immigrant Labour and the Development of Malaya, 1786 – 1920*, hlm. 72-74.

<sup>15</sup> Nik Hasnaa Nik Mahmood (penterjemah), *Orang-orang Cina di Tanah Melayu*, hlm. 212.

<sup>16</sup> Ng Siew Yoong, "The Chinese Protectorate in Singapore, 1877-1900", *Journal of Southeast Asian History*, Jil. 2, No. 1, Mac 1981, hlm. 83.

<sup>17</sup> Pegawai menghadapi kesukaran dalam melakukan pemeriksaan terhadap tahap kesihatan imigran di atas kapal asing maka pihak British menerusi Majlis Perundangan Negeri-Negeri Selat telah mewujudkan draf undang-undang ini pada tahun 1901. Namun begitu, undang-undang ini terpaksa ditangguhkan kerana wujudnya penentangan daripada pihak Jerman, Belanda dan Sweeden yang ingin menjaga kepentingan perdagangan mereka pada waktu itu. Lihat Noraini Mohamed Hassan, 'Penyakit Tropika di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1896-1914: Tumpuan kepada penyakit beri-beri, malaria dan penyakit usus', tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004, hlm. 26.

<sup>18</sup> B. W. Andaya dan L. Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, hlm. 242.

<sup>19</sup> Pada tahun berkenaan, negeri Kelantan baru sahaja berada di bawah kekuasaan pihak British disamping adanya permohonan daripada pengusaha ladang untuk melanjutkan tempoh pelaksanaan sistem tersebut. Lihat J. N. Parmer, *Colonial Labor Policy and Administration: A History of Labor in the Rubber Plantation Industry in Malaya, c. 1910-1941*, New York: J. J. Augustin Incorporated Publisher, 1960, hlm. 84.

<sup>20</sup> R. N. Jackson, *Immigrant Labour and the Development of Malaya*, hlm. 57.

<sup>21</sup> J. N. Parmer, *Colonial Labor Policy and Administration: A History of Labor in the Rubber Plantation Industry in Malaya, c. 1910-1941*, hlm. 19.

<sup>22</sup> Dengan penggubalan *Straits Settlements Ordinance I* pada tahun 1876 (turut dikenali sebagai *Indian Immigrants Protection Ordinance 1876*) atau *Indian Act V* pada tahun 1877 di India, migrasi ke Negeri-Negeri Selat telah dibenarkan namun masih dikawal sehingga tahun 1884. Lihat Sunaina Pathania, "India's Indentured Labour Migration to Malaya: A Historical Study", *International Journal of Social Science and Economic Research*, Jil. 3, No. 4, April 2018, hlm. 1221.

<sup>23</sup> Individu yang memegang jawatan sebagai *Indian Immigration Agent* atau kemudiannya dikenali sebagai *Superintendent of Immigrants* akan dilantik oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat. Segala penguatkuasaan bagi undang-undang yang terdapat dalam enakmen berkaitan imigran India yang telah diluluskan oleh Majlis Negeri berada di bawah tanggungjawabnya. Lihat Noraini Mohamed Hassan, 'Penyakit Tropika di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1896-1914: Tumpuan kepada penyakit beri-beri, malaria dan penyakit usus', tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004, hlm. 23.

<sup>24</sup> J. N. Parmer, *Colonial Labor Policy and Administration: A History of Labor in the Rubber Plantation Industry in Malaya, c. 1910-1941*, hlm. 130.

<sup>25</sup> *Ibid.*, hlm. 131.

<sup>26</sup> R. N. Jackson, *Immigrant Labour and the Development of Malaya*, hlm. 69.

<sup>27</sup> J. N. Parmer, *Colonial Labor Policy and Administration: A History of Labor in the Rubber Plantation Industry in Malaya, c. 1910-1941*, hlm. 130.

<sup>28</sup> Pada tahun 1909, Jabatan Imigresen Negeri di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah digabungkan menjadi sebuah jabatan persekutuan manakala pada tahun 1908, Jabatan Imigresen India Negeri-Negeri Selat pula telah dipisahkan daripada Jabatan Perlindungan Orang Cina Pulau Pinang. Lihat R. N. Jackson, *Immigrant Labour and the Development of Malaya*, hlm. 124.

<sup>29</sup> Pada tahun yang sama, draf awal Kod Buruh telah diasaskan oleh ketua jabatan dimana ia mengandungi 11 bahagian dan 28 bab. Draf awal ini dikodifikasi berdasarkan 48 undang-undang buruh yang digubal dan dipinda di seluruh Negeri-Negeri Melayu Bersekutu sebelum ini. Kod Buruh menjadi panduan utama bagi para pegawai di Jabatan Buruh untuk melaksanakan kawalan imigresen. Lihat J. N. Parmer, *Colonial Labor Policy and Administration: A History of Labor in the Rubber Plantation Industry in Malaya, c. 1910-1941*, New York: J. J. Augustin Incorporated Publisher, 1960, hlm. 114.

<sup>30</sup> R. N. Jackson, *Immigrant Labour and the Development of Malaya*, hlm. 133.

<sup>31</sup> *Ibid.*, hlm. 123.

<sup>32</sup> HCO 775/1930, Setiausaha Negeri-Negeri Selat kepada Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu, 16 Jun 1930.

<sup>33</sup> *Ibid.*, hlm 146.

<sup>34</sup> Parameswari Krishnan, "Kehidupan Buruh India Ladang di Tanah Melayu, 1900-1941", *Sejarah: Journal of History Department, Universiti Malaya*, Jil. 2, No. 28, 2019, hlm. 59.

<sup>35</sup> Terma *alien* dalam undang-undang ini merujuk kepada orang asing yang bukan dalam golongan Rakyat Raja bagi mana-mana Negeri-Negeri Melayu Bersekutu atau Kebawah Duli Yang Maha Mulia Britain. Lihat Pemberitahuan No. 2250, Second Supplement to the Federated Malay States Government Gazette, Jil. 8, No. 66, 14 Julai 1916, hlm. 1335-1336.

<sup>36</sup> *Ibid.*



- <sup>37</sup> Jayakumary Marimuthu, “Kesan Perang Dunia Pertama (1914-1918) terhadap Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)”, *Sejarah: Journal of History Department, Universiti Malaya*, Jil. 1, No. 30, 2021, hlm. 64.
- <sup>38</sup> Kernial Singh Sandhu, *Indians in Malaya: Immigration and Settlement, 1786-1957*, Cambridge University Press, New York, 1969, hlm. 224.
- <sup>39</sup> Antara enakmen kastam yang diperkenalkan oleh pihak British sepanjang berlangsungnya Perang Dunia Pertama ialah *The Trading with the Enemy Enactment 1914* dan *The Custom (War Power) Enactment 1916*. Lihat Jayakumary Marimuthu, “Kesan Perang Dunia Pertama (1914-1918) terhadap Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)”, *Sejarah: Journal of History Department, Universiti Malaya*, Jil. 1, No. 30, 2021, hlm. 65.
- <sup>40</sup> G. P. Means, *Malaysian Politics*, Hodder and Stoughton, London, 1976, hlm. 12.
- <sup>41</sup> *Health Officer* adalah pegawai yang dilantik di bawah undang-undang *Quarantine and Prevention of Disease Enactments, 1903* atau merangkumi mana-mana individu yang diberi kuasa oleh pegawai kesihatan secara bertulis untuk berkhidmat sebagai timbalannya. *Boarding Officer* pula merujuk kepada pegawai yang berkhidmat di bawah *Marine Department* bagi mana-mana negeri. Pangkat bagi seorang *Police Officer* hendaklah merangkumi sub-inspektor dan ke atas. Lihat Pemberitahuan No. 4373, Second Supplement to the Federated Malay States Government Gazette, Jil. 14, No. 17, 14 Julai 1922, hlm. 1261.
- <sup>42</sup> Pemberitahuan No. 4373, Second Supplement to the Federated Malay States Government Gazette, Jil. 14, No. 17, 14 Julai 1922, hlm. 1264.
- <sup>43</sup> *Ibid.*, hlm. 1265.
- <sup>44</sup> Amarjit Kaur, “International Migration and Governance in Malaysia: Policy and Performance”, *UNEAC Asia Papers*, No. 22, hlm. 6.
- <sup>45</sup> Suffian Mansor, Aisha Bibi Kamaruddin & Azharudin Mohamed Dali, “Permasalahan Kuomintang dalam Politik China, 1911-1949: Satu Tinjauan Umum”, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategies Studies*, Jil. 44, No. 2, Disember 2017, hlm. 80.
- <sup>46</sup> Suffian Mansor, “Peristiwa 4 Mei di China: Reaksi Orang Cina di Tanah Melayu dan Singapura”, *Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya*, No. 12, 2004, hlm. 131-135.
- <sup>47</sup> Amarjit Kaur, “Crossing Frontiers: Race, Migration and Borders in Southeast Asia”, *International Journal on Multicultural Societies*, Jil. 6, No. 2, 2004, hlm. 210.
- <sup>48</sup> Golongan wanita dan kanak-kanak yang berusia 12 tahun ke bawah dikecualikan daripada kuota bulanan ini. Lihat Saw Swee Hock, *The Population of Malaysia*, ISEAS Publishing, Singapore, 2007, hlm. 34.
- <sup>49</sup> Straits Settlements, *Proceedings of the Straits Settlements for the year 1932*, Government Printing Office, Singapura, 1933, hlm. B142.
- <sup>50</sup> J. Ee, “Chinese Migration to Singapore, 1896-1941”, *Journal of Southeast Asian History*, Jil. 2, No. 1, Mac 1961, hlm. 44.
- <sup>51</sup> J. N. Parmer, *Colonial Labor Policy and Administration: A History of Labor in the Rubber Plantation Industry in Malaya, c. 1910-1941*, hlm. 98.
- <sup>52</sup> Amarjit Kaur, “International Migration and Governance in Malaysia: Policy and Performance”, *UNEAC Asia Papers*, hlm. 6.
- <sup>53</sup> Saw Swee Hock, *The Population of Malaysia*, hlm. 34.
- <sup>54</sup> *Ibid.*, hlm. 43.
- <sup>55</sup> Straits Settlements, *Proceedings of the Straits Settlements for the year 1932*, hlm. C634.
- <sup>56</sup> Niew Shong Tong, ‘The Population Geography of the Chinese Communities in Malaysia, Singapore and Brunei’, Tesis Ph.D, University of London, London, 1969, hlm. 64.
- <sup>57</sup> *Annual Report of the Immigration Office, Straits Settlements and Federated Malay States*, 1934, hlm. 2.
- <sup>58</sup> Ahmad Zulnasri Abdul Khalid, “Kawalan Imigresen dan Pembentukan Negara: Perkembangan dan Perubahan di Tanah Melayu daripada Zaman Kesultanan Melayu Melaka ke era Malaysia Moden”, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategies Studies*, hlm. 280.

<sup>59</sup> Gambar potret bersaiz  $2\frac{3}{4}$  panjang dan  $1\frac{3}{4}$  lebar perlu ditampal pada kad permit ini. Di bawah Seksyen 9 *The Aliens Ordinance 1932*, *Immigration Officer* boleh meluluskan pemberian *Landing Permit* kepada imigran sekiranya imigran tidak dapat menampal gambar pada kad permit dengan alasan yang munasabah. Lihat *Straits Settlements, Proceedings of the Straits Settlements for the year 1932*, Government Printing Office, Singapore, 1933, hlm. C634.

<sup>60</sup> Bayaran yang dikenakan terhadap imigran yang ingin mendapatkan *Certificate of Admission* adalah sebanyak \$5 manakala tiada bayaran yang dikenakan bagi pengeluaran *Certificate of Residence*. Lihat *Annual Report of the Immigration Office, Straits Settlements and Federated Malay States*, 1934, hlm. 1.

<sup>61</sup> J. N. Parmer, *Colonial Labor Policy and Administration: A History of Labor in the Rubber Plantation Industry in Malaya, c. 1910-1941*, hlm. 96.

<sup>62</sup> *Annual Report of the Immigration Office, Straits Settlements and Federated Malay States*, 1934, hlm. 2.

<sup>63</sup> *Annual Report of the Immigration Office, Straits Settlements and Federated Malay States*, 1934, hlm. 1.

<sup>64</sup> Siew Hoon Tan, 'Illegal Immigration to Singapore', tesis Sarjana, University of New South Wales, Australia, 2009, hlm. 58.

<sup>65</sup> *Annual Report of the Immigration Office, Straits Settlements and Federated Malay States*, 1934, hlm. 5.

<sup>66</sup> *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Straits Settlements*, 1934, hlm. 6.

<sup>67</sup> Pada tahun 1938, *The Registration of Births and Death Ordinance* telah diperkenalkan oleh pihak British dimana menerusi ordinan ini, pendaftaran kelahiran dan kematian adalah diwajibkan dan pada tahun 1941, kad pengenalan pula telah diperkenalkan. Lihat Siew Hoon Tan, 'Illegal Immigration to Singapore', tesis Sarjana, University of New South Wales, Australia, 2009, hlm. 58.

<sup>68</sup> Saw Swee Hock, *The Population of Malaysia*, hlm. 34-36.

## Rujukan

- Ahmad Zulnasri Abdul Khalid. 2019. "Kawalan Imigresen dan Pembentukan Negara: Perkembangan dan Perubahan di Tanah Melayu daripada Zaman Kesultanan Melayu Melaka ke era Malaysia Moden," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategies Studies* 46, no. 2.
- Andaya, B. W. & Andaya, L. Y. 1982. *Sejarah Malaysia*. New York: Macmillan Publishers.
- Ee, J. 1961. "Chinese Migration to Singapore, 1896-1941," *Journal of Southeast Asian History* 2, no. 1.
- Federated Malay States. 1916. "Pemberitahuan No. 2250," *Second Supplement to the Federated Malay States Government Gazette* 14, no. 17.
- Federated Malay States. 1922. "Pemberitahuan No. 4373," *Second Supplement to the Federated Malay States Government Gazette* 14, no. 17.
- Federated Malay States. 1934. *Annual Report of the Immigration Office, S.S. and F.M.S*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- HCO 775/1930. 1930. Surat dari Setiausaha Negeri-Negeri Selat kepada Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu, 16 Jun 1930.
- Jackson, R. N. 1961. *Immigrant Labour and the Development of Malaya, 1786-1920*. Kuala Lumpur: Thor Beng Chong Publisher.
- Kaur, Amarjit. 2008. "International Migration and Governance in Malaysia, Policy and Performance," *UNEAC Asia Paper*, no. 22.
- Kaur, Amarjit. 2012. "Labour Brokers in Migration: Understanding Historical and Contemporary Transnational Migration Regimes in Malaya/Malaysia," *International Review of Social History* 57.
- Krishnan, Parameswari. 2019. "Kehidupan buruh India Ladang di Tanah Melayu, 1900-1941," *Sejarah: Journal of History Department, Universiti Malaya* 2, no. 28.

- Marimuthu, Jayakumary. 2021. "Kesan Perang Dunia Pertama (1914-1918) terhadap Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)," *Sejarah: Journal of History Department, University Malaya* 1, no. 30.
- Means, G. P. 1976. *Malaysian Politics*. London: Hodder and Stoughton.
- Milner, A. C. 1982. *Kerajaan: Malay Political Culture on the Eve of the Colonial Rule*. Tucson: The University of Arizona Press.
- Ng, Siew Yoong. 1981. "The Chinese Protectorate in Singapore, 1877-1900," *Journal of Southeast Asian History* 2, no. 1.
- Niew, Shong Tong. 1969. *The Population Geography of the Chinese Communities in Malaysia, Singapore and Brunei*. Tesis Ph.D. University of London.
- Nik Hasnaa Nik Mahmood (penterjemah). 1997. *Orang-orang Cina di Tanah Melayu*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia Skudai.
- Noraini Mohamed Hassan. 2004. *Penyakit Tropika di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1896-1914: Tumpuan kepada Penyakit Beri-Beri, Malaria dan Penyakit Usus*. Tesis Sarjana. Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Parmer, J. N. 1960. *Colonial Labor Policy and Administration: A History of Labor in the Rubber Plantation Industry in Malaya, c. 1910-1941*. New York: J. J. Augustin Incorporated Publisher.
- Pathania, Sunaina. 2018. "India's Indentured Labour migration to Malaya: A Historical Study," *International Journal of Social Science and Economic Research* 3, no. 4.
- Rajendra, Nagendiram. 1976. *The Straits Settlements, 1867-1874*. Tesis Sarjana. The Australian National University.
- Salim, Mariyam. 2005. *Undang-Undang Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sandhu, Kernial Singh. 1969. *Indians in Malaya: Immigration and Settlement, 1786-1957*. New York: Cambridge University Press.
- Saw, Swee Hock. 2007. *The Population of Malaysia*. Singapura: ISEAS Publishing.
- Siew, Hoon Tan. 2009. *Illegal Immigration to Singapore*. Tesis Sarjana. University of New South Wales.
- Straits Settlements. 1933. *Proceedings of the Straits Settlements for the year 1932*. Singapura: Government Printing Office.
- Straits Settlements. 1934. *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Straits Settlements*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Suffian Mansor. 2020. "Kejatuhan Dinasti Qing: China Mencari Orde Baharu, 1911-1937," *Malaysia and International History Review* 2, no. 1.
- Suffian Mansor. 2004. "Peristiwa 4 Mei di China: Reaksi Orang Cina di Tanah Melayu dan Singapura". *Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya* 12, no. 12.
- Suffian Mansor, Aisha Bibi Kamaruddin & Azharudin Mohamed Dali. Disember 2019. "Permasalahan Kuomintang dalam Politik China, 1911-1949: Satu Tinjauan Umum," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 44, no. 2.
- Tan, Cheng Han. 2016. "Private Ordering and the Chinese in Nineteenth Century Straits Settlements," *Asian Journal of Comparative Law* 11, no. 1.
- Tataru, G. F. 2019. "Migration - An overview on terminology, causes and effects," *Logos Universality Mentality Education Novelty: Law* 2, no. 7.
- Wei-an, Yang. 2014. *Female Emancipation in a Colonial Context: The Chinese Community in Singapore, 1900-1942*. Tesis Ph.D. The University of Sheffield.